

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
(JASIN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23.05.2016**

**Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [ JASIN ]** minta  
**MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- a. jumlah kos membina MRT 1 dan MRT 2; dan
- b. kos sekilometer berbanding dengan kos projek yang sama di Singapura, Indonesia, India, China dan Brazil dan tahap kemampuan (sustainability) projek ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, anggaran kos membina Projek MRT Laluan Satu adalah sebanyak RM32.47 bilion. Manakala kos

pembinaan Projek MRT Laluan Dua adalah sebanyak RM28 bilion. Amaun ini merupakan anggaran awal.

Mengenai perbandingan kos sekilometer pembinaan projek yang sama, adalah tidak tepat untuk membuat perbandingan secara terus kerana ia melibatkan faktor-faktor lain yang akan memberi kesan terus kepada kos pembinaan. Di antara faktor-faktor yang akan membezakan jumlah kos pembinaan di sesebuah negara adalah seperti berikut:

- i. Perbezaan panjang jajaran, panjang jajaran bawah tanah, atas tanah dan jajaran bertingkat;
- ii. Bilangan stesen bawah tanah, atas tanah dan stesen bertingkat juga menyumbang kepada perbezaan kos pembinaan;
- iii. Jenis kapasiti sistem, jenis dan bilangan stok kereta api, reka bentuk sistem yang melibatkan semboyan, bekalan kuasa, sistem keselamatan juga menyumbang kepada kos

keseluruhan yang berbeza keperluan pada sesuatu projek MRT di negara-negara lain; dan

- iv. Jenis dan cara pembinaan, keadaan geologi kawasan pembinaan, cara pembiayaan, tahun tender yang ditawarkan dan jenis pembinaan yang dilakukan.

Oleh yang demikian, adalah lebih sesuai perbandingan kos sekilometer dibuat melalui kaedah berdasarkan komponen bawah tanah dan bertingkat secara berasingan. Untuk makluman Yang Berhormat, perbandingan yang paling wajar untuk komponen jajaran bawah tanah Projek MRT Laluan Satu adalah dengan laluan *Downtown Line* di Singapura. Hasil kajian menunjukkan kos sekilometer bahagian bawah tanah Projek MRT Laluan Satu adalah RM957 juta berbanding RM1.23 bilion (berdasarkan pertukaran matawang dalam tahun 2012 apabila kontrak dianugerahkan).

Untuk jajaran bertingkat pula, perbandingan paling wajar yang boleh dibuat adalah dengan laluan *Purple Line* di Bangkok, Thailand. Kos sekilometer pembinaan Purple Line adalah RM217 juta berbanding dengan RM177 juta sekilometer untuk Projek MRT Laluan

Satu.

Projek MRT akan menjadi tulang belakang kepada pengangkutan awam yang berintegrasi dan efisien. Oleh itu ianya diyakini boleh mencapai tahap kemampanan (*sustainability*) untuk jangka masa panjang kerana pembangunan projek ini akan memberi impak pembangunan yang pesat di sepanjang jajaran MRT terutamanya pembangunan hartanah komersial dan pembukaan kawasan penempatan baru yang secara tidak langsung akan mengoptimumkan penggunaan perkhidmatan rel. Manakala manfaat daripada pertumbuhan pesat hartanah secara *Transit Oriented Development* (TOD) di stesen-stesen akan dapat memberi pulangan kepada MRT dalam menampung kos projek selain daripada pendapatan tiket dan pengiklanan.